

28 MAR 2001

Chan-Hutan

SARAWAK AMALKAN PENGURUSAN HUTAN MAPAN, KATA TIMBALAN KETUA MENTERI

KUCHING, 28 Mac (Bernama) -- Sarawak komited terhadap pengurusan hutan mapan kerana ia mengiktiraf bahawa pendapatan daripada sektor hutan merupakan pemangkin utamanya bagi pembangunan ekonomi, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan hari ini.

Chan berkata negeri itu perlu mengekalkan sumber hutannya bagi taburan industri balaknya dan melindungi pendapatan asasnya.

"Kami tidak akan memusnahkan hutan kami dan telah mengambil pelbagai langkah untuk memuliharanya bagi generasi akan datang dengan memperuntukkan enam juta hektar tanah hutan sebagai hutan kekal," katanya semasa merasmikan persidangan antarabangsa "Kurangkan Kesan Pembalakan" anjuran Persatuan Kayu Balak Sarawak (STA).

Chan berkata bagi mematuhi garis panduan Pertubuhan Kayu Balak Tropika Antarabangsa (ITTO) mengenai pengurusan hutan mapan, 80 peratus kawasan hutan telah diperuntukkan bagi hutan asli dan selebihnya hutan ditanam semula.

Sebagai sumber utama pendapatan dan penyumbang tukaran asing utama, Sarawak merekodkan kira-kira AS\$1.6 bilion (RM6.08 bilion) dalam eksport balak dan produk balak tahun lepas, katanya.

Seramai 100,000 orang bekerja dalam industri itu di seluruh negeri.

Bagaimanapun, dalam mengamalkan pengurusan hutan mapan, sekumpulan pekerja hutan mahir diperlukan di samping dana dan teknologi baru sebagai sebahagian pembangunan sumber manusianya, kata Chan.

Beliau mencadangkan institusi spesifik ditubuhkan bagi melatih dan meningkatkan kemahiran pengurus, penyelia dan pemandu traktor hutan serta penebang pokok manakala penyelidik patut menumpukan bagi membangunkan lebih banyak teknologi mesra alam sekitar.

STA, dengan kerjasama Jabatan Hutan dan institusi asing pada masa ini menganjurkan beberapa kursus bagi industri pembalakan, katanya.

Chan berkata dengan mempelbagaikan ekonomi negeri telah mengurangkan pergantungannya pada balak kerana pengusaha balak tempatan juga telah mempelbagaikan perdagangan mereka dan menceburi perladangan kelapa sawit secara besar-besaran, skim perumahan, akuakultur dan pembuatan produk tidak berasaskan balak.

"Industri kami telah berkembang daripada eksport kayu balak dan kayu gergaji kepada pengeksport terbesar papan lapis dan produk balak lain di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

CJ RHM